

KENYATAAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera

KONTRAKTOR DIGESA TAMPIL MANFAATKAN UJIAN COVID-19 PERCUMA OLEH PERKESO

Kapasiti ujian sebanyak 15,000 sehari, tetapi hanya 31,301 pekerja asing (semua industri) telah menjalani ujian sehingga kini

KUALA LUMPUR, 11 Jun 2020 – Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) menggesa semua kontraktor di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, serta negeri Selangor, untuk tampil menghantar semua pekerja warga asing untuk mendapatkan ujian COVID-19 melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Di dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), ujian COVID-19 adalah diwajibkan untuk semua pekerja warga asing di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, serta negeri Selangor. Walau bagaimanapun, pekerja asing yang telah memohon untuk menjalani Ujian COVID-19 tersebut atau menunggu keputusan ujian, adalah dibenarkan untuk bekerja sementara menunggu giliran untuk diuji atau keputusan ujian diperolehi dengan syarat mematuhi semua Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Pada 27 April 2020, PERKESO telah melancarkan Program Saringan Prihatin (PSP) PERKESO yang menawarkan ujian COVID-19 secara percuma kepada pencarum. Buat masa ini, PSP PERKESO adalah untuk pekerja warga asing di sektor pembinaan dan perkhidmatan kawalan keselamatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, serta negeri Selangor.

Pembekal perkhidmatan PSP PERKESO berupaya menjalankan sehingga 15,000 ujian sehari dan keputusan ujian boleh diperolehi dalam tempoh 3 hari. Berdasarkan data PERKESO sehingga kini, hanya 31,301 orang pekerja warga asing (meliputi semua sektor) yang telah menjalani ujian COVID-19 melalui PSP PERKESO dan daripada jumlah ini, 40.8% adalah dari sektor pembinaan.

Bermula 1 Jun 2020, saringan COVID-19 di bawah PSP PERKESO boleh dijalankan di mana-mana penyedia perkhidmatan (klinik / hospital) yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Majikan-majikan di dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan kawalan keselamatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, serta negeri Selangor boleh membuat tuntutan subsidi daripada PERKESO sebanyak RM150 bagi setiap saringan COVID-19 untuk pekerja mereka yang mencarum dengan PERKESO, yang dibuat di mana-mana klinik atau hospital yang menawarkan perkhidmatan saringan tersebut.

Bagi yang masih belum mencarum dengan PERKESO, mereka boleh mendaftar sebagai pencarum sebelum menjalani ujian saringan tersebut.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut berkenaan PSP PERKESO, sila hubungi Talian Khidmat Pelanggan PERKESO di **03-42645089 / 03-42645555 /1-300-22-8000** atau kemukakan pertanyaan melalui emel ke **hsp@perkeso.gov.my**.

#####

Mengenai CIDB Malaysia

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.
